

Kajian Rintis: Tahap Stres Ibu Bapa Pekak di Malaysia

A Pilot Study: Stress Levels of Deaf Parents in Malaysia

Nurul Khalidah Zulkefeli and Nur Farhana Ardillah Aftar*
Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding author: farhana@ums.edu.my

Dihantar: 29 November 2023 / Diterima: 31 Disember 2023

Received date: 29 November 2023 / Accepted date: 31 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v7i1.7029>

Terdapat banyak kajian mengenai tahap stres ibu bapa kepada anak berkeperluan khas, namun kajian mengenai tahap stres ibu bapa yang berkeperluan khas adalah kurang, terutamanya ibu bapa berstatus pekak. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap stres ibu bapa pekak di Malaysia. Sampel berjumlah 164 ibu bapa bukan pekak dan 31 ibu bapa pekak telah menjawab soal selidik Skala Anggapan Stres, secara atas talian. Kemudian, data dianalisis melalui analisis deskriptif dan ujian Mann-Whitney U. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan antara ibu bapa bukan pekak dan ibu bapa pekak di Malaysia. Hasil kajian ini diharapkan menambah sorotan kajian mengenai ibu bapa pekak di Malaysia. Hal ini penting dalam mengenal pasti permasalahan yang dilalui oleh ibu bapa pekak, untuk membentuk intervensi yang bersesuaian.

Kata kunci: tahap stres, ibu bapa, pekak.

Many studies have been conducted on stress levels among parents with children with special needs, but studies about parents with special needs themselves are minimal, specifically deaf parents. So, the aim of this study is to study stress levels of deaf parents in Malaysia. A sample of 164 non-deaf parents and 31 deaf parents answered the Perceived Stress Scale (Malay version) online. Then, data was analyzed through descriptive analysis and Mann-Whitney U test. The results of this study shows that there is no significant difference in the stress level between non-deaf parents and deaf parents in Malaysia. The intended implication of this study is to add data into the studies of deaf parents in Malaysia. It is important to identify the troubles that deaf parents go through to form effective interventions.

Keywords: stress level, parents, deaf.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengeluarkan laporan berbentuk sebuah buku mengenai orang kurang upaya (OKU) pada tahun 2011. Dalam buku tersebut, dinyatakan bahawa OKU keseluruhannya membentuk 15% daripada keseluruhan populasi dunia, dan 2% hingga ke 4% daripada mereka mengalami kesulitan dalam menjalani kehidupan seharian.

Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2014 pula merekodkan bahawa terdapat 531,962 individu berdaftar sebagai OKU, dan 62,153 daripada mereka ialah OKU pendengaran. Dapada jumlah tersebut, 1,077 daripada mereka dalam lingkungan umur 22 – 45 tahun. Kumpulan umur ini mempunyai bilangan yang paling ramai, selepas kumpulan umur 45 tahun dan ke atas.

Ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan kesihatan anak-anak. Oleh itu, keperluan kesihatan mental ibu bapa sendiri juga perlu dipenuhi untuk membolehkan mereka berfungsi sepenuhnya sebagai ibu bapa. Jika tidak, hal tersebut akan mendatangkan kesan negatif bukan sahaja terhadap ibu bapa, malah anak-anak sendiri (Abd Ghani, 2013). Maka pengurusan stres yang baik adalah amat penting kepada ibu bapa, apatah lagi untuk ibu bapa yang berstatus OKU. Kekurangupayaan diri sendiri juga sudah menyumbang stres yang signifikan, apatah lagi ditambah oleh stres sebagai ibu bapa.

Terdapat banyak kajian mengenai tahap stres ibu bapa yang mempunyai anak berstatus OKU, namun kajian

mengenai tahap stres ibu bapa sendiri yang berstatus OKU adalah kurang, apatah lagi OKU pendengaran (Abdul Manan, Amit, Said & Ahmad, 2018; Gupta, 2007; Isa et al., 2017; Xin Lee, 2017).

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap stres ibu bapa pekak. Secara khususnya, kajian ini juga menentukan sekiranya terdapat perbezaan tahap stres antara ibu bapa bukan pekak dan ibu bapa pekak.

Sorotan Kajian Lepas

Stres dalam Kalangan Ibu Bapa

Menurut Hans Selye (1976), stres ialah respon tidak spesifik badan terhadap apa-apa kehendak ke atasnya. Gaillard dan Wientjes (1994) mendefinisikan stres sebagai satu keadaan psikososial, di mana seseorang itu mengalami ketegangan bersifat subjektif, gangguan aktiviti fisiologi dan penurunan tahap prestasi (Gaillard & Wientjes, 1994). Lazarus dan Folkman (1984) pula mendefinisikan stres sebagai hubungan antara seseorang individu dan persekitarannya yang dinilai tidak mampu ditanggung oleh sumber yang dia ada, dan membahayakan keadaannya (Beehr & Newman, 1978; House, 1983; Kahn, Wolfe, Snoek, Quinn, & Rosental, 1964). Contoh yang lebih umum yang diberikan oleh Holmes dan Rahe (1967), mencadangkan bahawa peristiwa-peristiwa signifikan yang

berlaku dalam hidup seseorang memerlukan penyesuaian diri, dan hal ini mendatangkan stres.

Walaupun, kajian tentang tahap stres dalam kalangan ibu bapa pekak masih kurang di Malaysia, namun terdapat beberapa kajian yang mengkaji tahap stres dalam kalangan ibu bapa. Sebagai contoh, kajian Xin Lee (2017) mengkaji perbezaan tahap stres ibu bapa dengan anak yang mengalami Autism Spectrum Disorder (ASD) dengan tahap stres ibu bapa dengan anak tanpa ASD. Keputusan kajian menunjukkan ibu bapa dengan anak ASD merekodkan tahap stres yang lebih tinggi berbanding ibu bapa dengan anak tanpa ASD.

Satu lagi kajian stres ke atas ibu bapa adalah kajian Isa et al. (2017) yang menilai anggapan stres dalam kalangan penjaga Melayu anak-anak bermasalah pembelajaran di Kelantan. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa penjaga mempunyai tahap stres yang sedikit lebih tinggi daripada skor purata, dan mungkin meningkatkan kerentanan terhadap penyakit yang disebabkan stres.

Budaya Pekak

Seseorang itu dikategorikan sebagai pekak apabila individu tersebut mengalami kesusahan mendengar. Jabatan Kebajikan Masyarakat (2020) mengelaskan OKU pendengaran kepada tiga kategori; bilateral hearing loss, single sided deafness dan kecacatan telinga kekal. Maka, tidak hairan jika kebanyakan warga masyarakat memandang kepekakan sebagai sesuatu patologi atau keadaan kesihatan, yang perlu dirawat (Brubaker, 1994).

Namun, ada juga individu yang mengenal pasti bahawa dirinya berada dalam budaya Pekak (Deaf culture), walaupun individu tersebut tidak semestinya mengalami masalah pendengaran, atau tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk diklasifikasikan sebagai seorang OKU pendengaran. Hal ini kerana terdapat sekumpulan individu, yang memandang kepekakan itu sebagai satu budaya yang tersendiri, di mana ahli-ahlinya berbangga dengan status pekak mereka, dengan bahasa isyarat sebagai bahasa pengantara mereka, dan wujudnya penerimaan sesama mereka (Moroe, Nomfundo, & de Andrade, 2018).

Hal ini berlaku kerana terdapat kepelbagaian yang luas julatnya dalam populasi pekak itu sendiri, daripada segi pemulaan usia kepekakan, darjah kehilangan pendengaran, dan sebagainya. Malah, tidak semestinya kesemua individu yang mempunyai masalah pendengaran, mengenal pasti status diri mereka sebagai seorang yang pekak, atau ahli kepada budaya Pekak (Brubaker, 1994). Ahli-ahli budaya Pekak terdiri daripada individu-individu yang pekak secara fisiologi, berkongsi bahasa yang sama dan pengalaman yang serupa, sehingga mereka mampu membentuk satu budaya yang tersendiri (Lane, Hoffmeister & Bahan, 1996; Lucas & Valli, 1990; Murray, Klinger & McKinnon, 2007). Hal ini selari dengan ciri-ciri sesuatu budaya atau kumpulan etnik; ahli-ahlinya mengenalpasti dan mempamerkan perkara-perkara warisan yang sama (Berry, 1995).

Stres dalam Kalangan Individu Pekak

Berry dan Kim (1988) mengenal pasti banyak pembolehubah yang mempengaruhi hubungan antara akulturasi dengan stres. Brubaker (1994) dalam kajiannya menerangkan empat pembolehubah yang paling relevan dengan perbincangan mengenai individu pekak.

Pembolehubah pertama ialah mod akulturasi, yang mencerminkan sikap individu seseorang apabila berinteraksi dengan budaya yang lain. Terdapat empat mod

akulturasi (Berry & Kim, 1988; Berry, Kim, Minde, & Mok, 1987); asimilasi, integrasi, perpisahan dan peminggiran. Mod-mod yang berbeza ini telah terbukti memainkan peranan yang penting dalam menentukan kekuatan hubungan antara proses akulturasi dan stres akulturasi. Contohnya, Berry et al. (1987) mencadangkan bahawa individu yang bermodkan peminggiran atau perpisahan lebih cenderung untuk mengalami stres akulturasi yang lebih tinggi. Mod asimilasi berhubungan dengan stres yang bertahap sederhana, manakala mod integrasi berhubungan dengan tahap stres yang paling rendah. Peminggiran budaya telah dikaitkan dengan penyesuaian diri yang tidak bagus daripada segi psikologi, untuk kedua-dua budaya (pekak dan bukan pekak) (Berry & Kim, 1988; Glickman, 1986; Glickman & Carey, 1993).

Pembolehubah kedua ialah ciri-ciri masyarakat yang majoriti. Dalam perbincangan ini, masyarakat bukan pekak yang bersifat majoriti, ialah pluralistik daripada segi budaya. Masyarakat yang pluralistik lebih cenderung untuk bertoleransi dan menerima kepelbagaian budaya, sekaligus diramalkan bahawa hal ini dapat merendahkan tahap stres akulturasi dalam kalangan masyarakat pekak yang bersifat minoriti. Walaupun begitu, masyarakat bukan pekak secara umumnya masih tidak bertoleransi, tidak menerima dan mempunyai stigma terhadap masyarakat pekak, di mana hal ini mampu meningkatkan pula tahap stres mereka. Individu pekak telah melaporkan pelbagai perkara yang mencerminkan hal ini (Foster, 1989; Rittenhouse, Johnson, Overton, Freeman & Jaussi 1991; Welsh, 1960).

Pembolehubah ketiga ialah ciri-ciri sosiobudaya masyarakat yang berakulturasi. Dalam faktor-faktor yang telah dikenal pasti oleh Berry dan Kim (1988), Brubaker (1994) menyatakan bahawa darjah sokongan sosial adalah relevan kepada masyarakat pekak. Sokongan sosial secara umumnya dapat menyangga kesan stres terhadap kesihatan fizikal dan psikologi seseorang (Cohen & Willis, 1985).

Akhir sekali adalah pembolehubah keempat iaitu lima ciri-ciri individu yang berakulturasi. Ciri pertama ialah kekerapan dan kualiti kontak seseorang individu dengan budaya yang dominan. Contohnya, Becker (1981) mencadangkan bahawa individu pekak mungkin mengurangkan perasaan negatif mereka dengan menghadkan kekerapan mereka berinteraksi dengan individu bukan pekak. Contoh yang berlawanan pula, Mertens (1989) mendapati bahawa kanak-kanak pekak yang mempunyai kekerapan kontak yang lebih tinggi dan berkualiti dengan individu bukan pekak, lebih berpotensi untuk membina hubungan persahabatan dengan individu bukan pekak. Namun begitu, kedekatan fizikal sebenarnya tidak menjamin integrasi yang baik (Antia, 1982; Mertens, 1989). Sama juga, kekerapan interaksi tidak juga menjamin hubungan yang lebih kuat (Leigh & Stinson, 1991). Hal ini akan lebih tampak ketara jika tiada atau kurangnya servis sokongan yang bersesuaian untuk membantu melancarkan interaksi kedua-dua budaya (Brubaker, 1994).

Ciri kedua ialah bahasa dominan. Untuk kebanyakan individu dalam budaya Pekak, bahasa isyarat ialah bahasa pertama mereka, bukan bahasa yang digunakan oleh masyarakat majoriti. Maka, mereka tidak akan mendapat akses yang mencukupi untuk mempelajari budaya majoriti tersebut. Oleh sebab itu, halangan bahasa dan kekurangan kontak dengan masyarakat bukan pekak semestinya menghadkan pengetahuan menangani budaya masyarakat bukan pekak.

Ciri ketiga ialah harga diri (self-esteem), di mana harga diri yang tinggi berkait dengan kebolehan yang lebih baik untuk mengatasi stres (Rosen, Terry, & Leventhal, 1982).

Berhubungan dengan hal ini, Brubaker (1994) membuat hipotesis lagi bahawa tampaknya terdapat hubungan yang konsisten dalam kajian-kajian antara harga diri individu pekak dengan pendedahan dan penglibatan mereka dengan individu yang lain dalam budaya Pekak. Contohnya, terdapat bukti bahawa kanak-kanak pekak yang mempunyai ibu bapa pekak mempunyai harga diri yang lebih tinggi (Bat-Chava, 1993). Selain itu, Carver (1988) juga mencadangkan bahawa kekurangan pendedahan kepada individu contoh (role model) yang positif, berkait dengan harga diri yang lebih rendah. Di samping itu, Bat-Chava (1993) juga menemui kolerasi yang positif antara aktiviti-aktiviti pengenalanpastian diri individu-individu dalam budaya Pekak dengan harga diri mereka.

Ciri keempat ialah tafsiran seseorang individu terhadap perkara-perkara yang berlaku dalam kehidupan mereka. Menurut Lazarus dan Folkman (1984), hal ini terbahagi kepada dua proses; sejauh mana sesuatu perkara itu dilihat mengancam seseorang individu, dan ketersediaan sumber-sumber yang diperlukan, yang dipercayai dapat mengatasi ancaman yang dibawa oleh perkara tersebut. Berdasarkan hal tersebut, terdapat beberapa peristiwa kehidupan yang unik kepada individu-individu Pekak, yang tampak mungkin mengancam identiti budaya Pekak, seperti memasukkan anak Pekak dalam sekolah awam, melantik seseorang yang bukan pekak memegang kuasa dalam institusi Pekak, bekerja dalam kalangan ahli masyarakat bukan pekak, dan sebagainya. Selain itu, sumber sosial dan peribadi yang ada dalam diri seseorang individu pekak ditentukan oleh tahap penglibatannya dalam komuniti Pekak, dan kecenderungan dalam menyelesaikan masalah; sama ada berorientasikan emosi atau masalah.

Ciri kelima ialah keberkesanan diri (self-efficacy), yakni kepercayaan seseorang individu itu bahawa dia mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk mengatasi stres (Bandura, 1977). Kajian-kajian menunjukkan bahawa kekuatan keberkesanan diri seseorang dapat menyangga kesan fisiologi dan psikologi yang terhasil daripada stres (Bandura, Taylor, Williams, Mefford, & Barchas, 1985; Holahan, Holahan, & Belk, 1984). Sumber major kepercayaan terhadap keberkesanan diri seorang ialah pencapaian dan pengalaman individu tersebut, dan pujukan verbal daripada individu lain. Berkaitan dengan hal ini, Brubaker (1994) membuat hipotesis bahawa individu yang mempunyai identiti budaya Pekak yang kuat lebih cenderung untuk terdedah kepada pengalaman-pengalaman yang menambah keberkesanan diri.

Brubaker (1994) merumuskan bahawa komuniti Pekak ialah sebuah satu kumpulan sosiobudaya yang unik, disebabkan mereka menghadapi punca stres yang sama, dan cara mereka mengatasi stres juga adalah serupa. Stres mereka dapat dikawal berdasarkan penglibatan mereka dalam komuniti Pekak, dan ketersediaan sumber-sumber peribadi dan sosial mereka.

Kekurangan Kajian mengenai Tahap Stres Ibu Bapa Pekak di Malaysia

Seperti yang telah dinyatakan, kajian mengenai individu pekak di Malaysia sangat sedikit bilangannya. Secara khususnya, kajian mengenai individu pekak yang berstatus ibu bapa di Malaysia juga tidak dapat ditemui. Hanya beberapa sahaja kajian mengenai ibu bapa pekak di negara-negara lain yang ditemui (Mallory, Schein & Zingle, 2019; Thumann-Prezioso, 2005; Zaborniak-Sobezak, 2020).

Berlawanan pula dengan stres ibu bapa, di mana banyak kajian ditemui tentangnya. Namun, secara khususnya di Malaysia, kebanyakannya kajian yang ditemui mengkaji tahap stres ibu bapa kepada anak yang berstatus OKU, bukannya tahap stres ibu bapa sebagai seorang OKU itu sendiri (Abdul Manan, Amit, Said & Ahmad, 2018; Gupta, 2007; Isa et al., 2017; Xin Lee, 2017).

Maka, dapat dilihat bahawa mengkaji tahap stres ibu bapa pekak di Malaysia merupakan satu keperluan yang penting. Kajian ini dapat memberikan maklumat secara khusus, dalam usaha menambah kesedaran dan pengetahuan terhadap ibu bapa pekak di Malaysia, yang seterusnya berpotensi untuk membawa kepada pembangunan program-program baru dan penambahbaikan program-program sedia ada di Malaysia, untuk membantu mereka.

Metode

Kajian ini berbentuk kuantitatif secara keratan rentas. Populasi yang disasarkan adalah ibu bapa bukan pekak dan ibu bapa pekak di seluruh Malaysia. Kaedah sampel ialah *convenience sampling*. Sampel melibatkan 195 ibu bapa yang terdiri daripada 164 ibu bapa bukan pekak dan 31 ibu bapa pekak. Para responden menjawab soal selidik secara atas talian.

Skala Anggapan Stres (Perceived Stress Scale, PSS-10) (Cohen, Kamarck & Mermelstein, 1983) versi Bahasa Melayu telah digunakan dalam kajian ini. Al-Dubaai, Alshagga, Rampal dan Sulaiman (2012) telah menterjemahkan Perceived Stress Scale kepada bahasa Melayu dan menilai ketekalan dalaman, kebolehpercayaan dan struktur faktornya. Mereka merumuskan bahawa Skala Anggapan Stres yang telah diterjemahkan tersebut mempunyai ciri-ciri psikometrik yang memuaskan (95% CI: 0.70, 0.89). Kajian Isa et al. (2017) yang menggunakan soal selidik yang diterjemahkan itu pula, menunjukkan kebolehpercayaan yang agak tinggi ($\alpha = .77$). Maka, Skala Anggapan Stres, yakni Perceived Stress Scale yang telah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu, digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini didapati bahawa nilai alpha Cronbach untuk SAS ialah .839; $\alpha = .627$ untuk ibu bapa pekak dan $\alpha = .852$ untuk ibu bapa bukan pekak. Hal ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen ini berada pada tahap yang boleh diterima.

Analisis data dilakukan melalui perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Analisis deskriptif dan ujian Mann-Whitney U telah dijalankan ke atas data yang diperoleh.

Keputusan Kajian

Daripada jumlah 195 peserta dari serata Malaysia yang menjawab soal selidik yang diedarkan, 31 responden pekak telah diperoleh. Daripada keseluruhan peserta pekak yang menjawab soal selidik, 45% melaporkan memiliki tahap pendidikan SPM atau lebih rendah. Bagi pendapatan bulanan, 45% responden pekak melaporkan pendapatan bulanan yang kurang daripada RM2000.

Hasil analisis tahap stres ibu bapa bukan pekak dan ibu bapa pekak, menunjukkan sedikit perbezaan di antara dua kumpulan ini. Untuk ibu bapa bukan pekak, Skor SAS ($M = 14.84$, $\sigma = 6.31$) kebanyakannya pada tahap sederhana ($N = 94$, 57.3%). Dan untuk ibu bapa pekak pula, Skor SAS ($M = 18.13$, $\sigma = 5.30$) kebanyakannya berada pada tahap tinggi ($N = 14$, 45.2%). Keputusan ujian Mann-Whitney pula ($Z = -2.870$, $k > .05$) menunjukkan bahawa tidak terdapat

perbezaan tahap stres yang signifikan antara ibu bapa pekak dan ibu bapa bukan pekak. Maka, berdasarkan min yang lebih tinggi dan lebih tinggi peratusan ibu bapa pekak melaporkan tahap stres pada tahap yang tinggi, maka boleh disimpulkan bahawa ibu bapa pekak mempunyai tahap stres yang lebih tinggi berbanding ibu bapa bukan pekak. Walaubagaimanapun, perbezaan ini adalah tidak signifikan secara statistik.

Perbincangan

Berdasarkan keputusan yang diperolah, hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa ibu bapa pekak ($M = 18.13$, $\sigma = 5.30$) mempunyai tahap stres yang lebih tinggi berbanding ibu bapa bukan pekak ($M = 14.84$, $\sigma = 6.31$). Bukan sahaja daripada min, hal ini boleh juga dilihat pada peratusan ibu bapa pekak paling tinggi (45.2%) yang mencatatkan skor SAS yang tinggi (21-30), berbanding peratusan ibu bapa bukan pekak paling tinggi (57.3%) yang mencatatkan skor SAS yang sederhana (11-20).

Seperti yang telah dinyatakan dalam pendahuluan, komunikasi interpersonal sesebuah keluarga itu mempunyai intensiti yang istimewa dan interaksi peribadi, yang terhasil daripada kontak rapat yang banyak hasil daripada hidup bersama-sama sehari-hari. Maka, proses komunikasi sesebuah keluarga amat penting, kerana telah banyak kajian menunjukkan bahawa kebanyakan penyelesaian kepada sesebuah masalah keluarga terhasil daripada komunikasi yang bersifat matang dan membina sesama ahli keluarga (Harwas-Napierala, 2008; Krok, 2010; Wach, 2016).

Kajian Zaborniak-Sobczak (2020) bertujuan untuk menunjukkan masalah komunikasi yang dialami oleh ibu bapa pekak yang mengasuh anak bukan pekak. Hasil kajian ini mendapati bahawa, ibu bapa pekak sememangnya memahami bahawa anak mereka yang mendengar memerlukan sebanyak mungkin pertolongan dalam perkembangan bahasa mereka. Namun begitu, mereka harus kekal berkomunikasi dengan anak mereka hanya dalam bahasa isyarat, kerana itulah satu-satunya bahasa di mana ibu bapa tersebut boleh berkomunikasi dengan berkesan. Namun, terdapat cabaran yang menyebabkan mereka memerlukan bantuan orang yang bukan pekak.

Zaborniak-Sobczak (2020) merumuskan bahawa sememangnya pihak ketiga yang signifikan yang bukan pekak seperti datuk, nenek atau cucu memainkan peranan penting dalam membina sikap yang positif terhadap bahasa isyarat. Hal ini dapat mengelakkan anak yang bukan pekak mempunyai sikap yang negatif terhadap bahasa isyarat, dan juga membantu perkembangan bahasa anak tersebut secara lisan.

Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antaran tahap stres ibu bapa bukan pekak dan ibu bapa pekak. Menurut kepada budaya Pekak, individu-individu yang mengenal pasti diri mereka dalam budaya Pekak tidak memandang diri mereka sebagai kurang upaya. Mereka memandang diri mereka sebagai sebuah kelompok minoriti yang mempunyai halangan bahasa dengan kelompok bukan pekak yang bersifat majoriti (Murray, Klinger & McKinnon 2007). Mereka juga berpendapat bahawa golongan Pekak tidak akan dianggap mempunyai ketidakupayaan, sekiranya mereka diberi akses kepada maklumat dan cara komunikasi yang berkesan dengan golongan bukan pekak.

Maka, dari sini dapat diketahui bahawa bukan status pendengaran pekak yang menjadi satu masalah, tetapi masalah komunikasi itu sendiri. Walaupun golongan Pekak sememangnya lebih terdedah kepada masalah komunikasi,

masalah komunikasi tidak bersifat eksklusif, kerana turut dialami oleh semua pihak, terutamanya ibu bapa. Maka, adalah munasabah sekiranya tahap stres antara ibu bapa pekak dan ibu bapa bukan pekak tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Komunikasi merupakan proses penukaran dan penerimaan maklumat samada secara lisan ataupun bukan lisan dan dapat menghuraikan perhubungan antara individu dengan individu yang lain. Wang, Stanton, Li, Cottrell, Deveaux dan Kaljee (2013) menyatakan bahawa masalah dalam komunikasi ibu bapa dengan remaja menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap kenakalan (*delinquency*), penyalahgunaan bahan dan tingkah laku seksual berisiko. Hal ini berlaku kerana perbincangan ibu bapa mungkin berbeza dengan pemikiran remaja, namun kekerapan komunikasi mampu meramal pengurangan tingkah laku devian remaja (Guilamo-Ramos, Jaccard, Dittus & Bouris, 2006). Selain itu, komunikasi yang tidak jelas antara ibu bapa dengan anak juga boleh menyebabkan anak-anak tidak peka dengan kata-kata ibu bapa, mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan akhirnya terjerumus dengan gejala sosial.

Kesemua ibu bapa berpotensi untuk mengalami masalah ini, yang akan menyumbang kepada pertambahan tahap stres mereka. Bagaimana dengan ibu bapa pekak? Apakah masalah yang mereka hadapi secara spesifik, yang mungkin tidak dialami oleh ibu bapa bukan pekak?

Thumann-Prezioso (2005) telah mengkaji perspektif ibu bapa pekak terhadap pendidikan pekak. Secara keseluruhannya, ibu bapa tersebut sangat mengambil berat tentang pendidikan anak-anak mereka, terutamanya berkaitan dengan hal-ehwal kepekakan, seperti kemampuan rakan-rakan sebaya mereka untuk berkomunikasi dengan baik dengan anak-anak mereka, guru-guru memandang rendah kepada anak-anak mereka, dan guru-guru tidak memahami keperluan anak mereka sebagai seseorang yang pekak.

Selain itu, Mallory, Schein, dan Zingle (2019) mengkaji kewujudan sumber-sumber mengenai keibubapaan untuk ibu bapa pekak. Mereka mendapati bahawa ibu bapa pekak lebih selesa untuk menyelesaikan masalah keibubapaan mereka dengan kawan-kawan dan saudara mereka, daripada mendapatkan bantuan profesional seperti kaunseling atau kumpulan sokongan. Hal ini boleh difahami, kerana seperti yang telah dibincangkan dalam sorotan kajian lepas, sokongan sosial yang baik mampu menyangga dengan baik juga kesan stres terhadap kesihatan seseorang (Cohen & Willis, 1985). Namun, hasil daripada perkara tersebut, mereka semakin terasing daripada bergaul dengan komuniti bukan pekak secara umumnya. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, satu daripada mod-mod akulturasi ialah pemisahan. Mod pemisahan dicirikan dengan keinginan untuk mengekalkan pengenalanpastian diri dengan budaya Pekak, dan tidak mahu mengekalkan hubungan dengan masyarakat bukan pekak. Individu Pekak yang berada dalam mod ini akan mengehadkan kontak sosial dan vokasionalnya kepada ahli keluarga terdekat dan ahli komuniti Pekak yang lain sahaja, dan berinteraksi secara minima dengan individu bukan pekak (Berry & Kim, 1988). Maka, disebabkan oleh hal ini, individu Pekak berpotensi untuk tidak mendapat akses kepada servis bantuan yang diperlukannya, terutamanya untuk berinteraksi dengan komuniti bukan pekak dengan lebih lancar.

Hal ini boleh dilihat daripada hasil kajian Mallory, Schein, dan Zingle (2019) sendiri, di mana kebanyakan ibu bapa pekak dalam kajian tersebut juga melaporkan bahawa

mereka tiada penglibatan, bahkan pengetahuan, terhadap bantuan-bantuan profesional yang sesuai untuk mereka. Hal ini sememangnya mengejutkan, apatah lagi mengetahui bahawa inisiatif untuk program-program ibu bapa pekak dijalankan sudah digesa buat tempoh masa yang sangat lama (Ford, 1984; Luterman, 1979), namun masih kurang kajian yang melaporkan hal ini sehingga kini. Maka, di samping tahap literasi yang rendah (Quigley & Paul, 1984), mod akulturasi yang bersifat pemisahan menyumbang kepada jurang ini.

Daripada sini, dapat disimpulkan bahawa antara masalah unik yang ibu bapa pekak alami, yang tidak dialami oleh ibu bapa bukan pekak, adalah kekhawatiran terhadap pendidikan anak-anak mereka, dan ketiadaan bantuan-bantuan profesional yang sesuai untuk mereka. Hal ini menyokong bahawa ketiadaan komunikasi yang baik itulah yang menjadi punca stres kepada ibu bapa pekak, dan bukanlah kepekakan ibu bapa itu sendiri yang menjadi punca stres mereka, tetapi kerisauan bagaimana interaksi anak-anak mereka dengan persekitarannya, seperti guru-guru dan rakan-rakan. Hal ini juga relevan kepada kajian ini kerana 35.5% ibu bapa pekak ($N = 11$) mempunyai anak yang pekak juga, berbanding dengan 18.3% ibu bapa bukan pekak ($N = 30$) mempunyai anak yang pekak juga. Secara keseluruhan dalam kajian ini, terdapat 42 orang ibu bapa mempunyai anak yang pekak (21.5%); satu peratusan yang signifikan.

Limitasi dan Saranan Kajian

Kajian ini adalah kajian rintis yang dijalankan atas talian dalam tempoh masa yang singkat. Kaedah persampelan yang digunakan adalah non-probability, voluntary, convenience sampling. Kaedah ini adalah rendah keberkesananannya dalam menjamin generalisasi hasil kajian. Oleh itu, kajian lanjutan perlu dijalankan ke atas saiz sampel yang lebih besar daripada seluruh Malaysia.

Seterusnya, pemahaman responden terhadap instrumen kajian ini tidak dapat diketahui. Terutamanya untuk responden pekak, di mana bahasa utama mereka adalah bahasa isyarat yang bersifat visual, mereka mungkin bukan pengguna medium yang menggunakan teks dengan perkataan yang banyak. Hal ini boleh membuatkan mereka menjawab soal selidik tersebut, walhal mereka kurang faham mengenai item-item yang ada. Kemungkinan ini dapat dilihat daripada penilaian kebolehpercayaan SAS untuk kajian ini, di mana nilai alpha Cronbach untuk SAS ialah .839; $\alpha = .627$ untuk ibu bapa pekak dan $\alpha = .852$ untuk ibu bapa bukan pekak. Untuk mengatasi limitasi ini, kajian pada masa hadapan digalakkan untuk mentadbir SAS secara berhadapan dengan responden pekak, menggunakan bahasa isyarat. Oleh itu, para pengkaji pada masa hadapan juga perlu mempertimbangkan untuk menterjemahkan SAS dalam Bahasa Isyarat Malaysia. Hal ini berpotensi untuk meningkatkan reliabiliti SAS dengan signifikan dalam kalangan warga pekak di Malaysia.

Kesimpulan

Adalah penting untuk menekankan semula bahawa kajian mengenai OKU pendengaran adalah kurang, terutamanya mereka yang berstatus ibu bapa di Malaysia. Kajian rintis ini berjaya menangkap sebuah perspektif yang unik terhadap tahap stres ibu bapa pekak di Malaysia. Ternyata bahawa banyak lagi perkara yang kita tidak dapat fahami secara menyeluruh mengenai golongan pekak di Malaysia, terutamanya kepada mereka yang berstatus ibu

bapa. Maka, diharapkan kajian ini dapat menambah baik sorotan kajian sedia ada tentang golongan ibu bapa pekak di Malaysia dan menjadi pencetus kepada kajian akan datang.

Rujukan

- Abd Ghani, F. (2013). Keperluan Kesihatan Mental Dalam Kalangan Ibu Bapa. Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
<http://www.myhealth.gov.my/keperluan-kesihatan-mental-dalam-kalangan-ibu-bapa/>
- Abdul Manan, A.I., Amit, N., Said, Z., & Ahmad, M. (2018). The influences of parenting stress, children behavioral problems and children quality of life on depression symptoms among parents of children with autism: Preliminary findings. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 16(SI), 137–143.
<https://doi.org/10.17576/jskm-2018-19>.
- Al-Dubaai, S. A. R., Alshagga, M. A., Rampal, K. G., & Sulaiman, N. A. (2012). Factor structure and reliability of the Malay version of the perceived stress scale among Malaysian medical students. *Malaysian Journal of Medical Sciences*.
<https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3684234/>
- Antia, S. D. (1982). Social interaction of partially mainstreamed hearing-impaired children. *American Annals of the Deaf*, 127(1), 18–25.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191.
- Bandura, A., Taylor, C. B., Williams, S. L., Mefford, I. N., & Barchas, J. D. (1985). Catecholamine secretion as a function of perceived coping self-efficacy. *Journal of consulting and clinical psychology*, 53(3), 406.
- Bat-Chava, Y. (1993). Antecedents of self-esteem in deaf people: A meta-analytic review. *Rehabilitation Psychology*, 38(4), 221.
- Becker, G. (1981). Coping with stigma: Lifelong adaptation of deaf people. *Social Science & Medicine. Part B: Medical Anthropology*, 15(1), 21–24.
- Beehr, T. A., & Newman, J. E. (1978). Job stress, employee health, and organizational effectiveness: A facet analysis, model, and literature review 1. *Personnel Psychology*, 31(4), 665–699.
- Berry, J. W. (1995). 20. Psychology of acculturation. *The Culture and Psychology Reader*, 457.
- Berry, J. W., & Kim, U. (1988). Acculturation and mental health.
- Berry, J. W., Kim, U., Minde, T., & Mok, D. (1987). Comparative studies of acculturative stress. *International Migration Review*, 21(3), 491–511.
- Brubaker, R. G. (1994). Acculturative stress: A useful framework for understanding the experience of Deaf Americans. *Journal of the American Deafness and Rehabilitation Association*, 28(1), 1–15.
- Carver, R. (1988). Social Factors in the Development of the Deaf Child. *ACEHI Journal*, 14(2), 70–80.
- Cohen, S., Kamarck, T., & Mermelstein, R. (1983). A global measure of perceived stress. *Journal of Health & Social Behavior*, 24, 386–396.
- Cohen, S., & Wills, T. A. (1985). Stress, social support, and the buffering hypothesis. *Psychological Bulletin*, 98(2), 310.
- Ford, N. M. (1984). Parent-education services for deaf adults. *Journal of Rehabilitation of the Deaf*. 17(4), 1–3.

- Foster, S. (1989). Social alienation and peer identification: A study of the social construction of deafness. *Human Organization*, 48(3), 226–235.
- Gaillard, A. W. K., & Wientjes, C. J. E. (1994). Mental load and work stress as two types of energy mobilization. *Work and Stress*.
<https://doi.org/10.1080/02678379408259986>
- Glickman, N. (1986). Cultural Identity, Deafness, and Mental Health. *Journal of Rehabilitation of the Deaf*, 20(2), 1–10.
- Glickman, N. S., & Carey, J. C. (1993). Measuring deaf cultural identities: A preliminary investigation. *Rehabilitation Psychology*, 38(4), 275.
- Guilamo-Ramos, V., Jaccard, J., Dittus, P., & Bouris, A. M. (2006). Parental expertise, trustworthiness, and accessibility: Parent-adolescent communication and adolescent risk behavior. *Journal of Marriage and Family*, 68(5), 1229–1246.
- Gupta, V. B. (2007). Comparison of parenting stress in different developmental disabilities. *Journal of Developmental and Physical Disabilities*.
<https://doi.org/10.1007/s10882-007-9060-x>
- Harwas-Napierała, B. (2008). Komunikacja interpersonalna w rodzinie [Interpersonal communication in the family]. Poznań: Wydawnictwo Naukowe UAM.
- Holahan, C. K., Holahan, C. J., & Belk, S. S. (1984). Adjustment in aging: The roles of life stress, hassles, and self-efficacy. *Health psychology*, 3(4), 315.
- Holmes, T. H. (81). & Rahe, RH (1967). The Social Readjustment Rating Scale. *Journal of Psychosomatic Research*, 11(2), 213–218.
- House, J. S. (1983). Work stress and social support. Addison-Wesley Series on Occupational Stress.
- Isa, S. N. I., Ishak, I., Ab Rahman, A., Mohd Saat, N. Z., Che Din, N., Lubis, S. H., & Mohd Ismail, M. F. (2017). Perceived stress and coping styles among Malay caregivers of children with learning disabilities in Kelantan. *Malaysian Journal of Medical Sciences*.
<https://doi.org/10.21315/mjms2017.24.1.9>
- Kahn, R. L., Wolfe, D. M., Quinn, R. P., Snoek, J. D., & Rosenthal, R. A. (1964). Organizational stress: Studies in role conflict and ambiguity.
- Krok, D. (2010). Systemowe ujęcie rodziny w badaniach dobrostanu psychicznego jej członków. W: Rodzina w nurcie współczesnych przemian, red. Dariusz Krok, Paweł Landwójtowicz, 359–368.
- Lane, H. L., Hoffmeister, R., & Bahan, B. J. (1996). A journey into the DEAF WORLD. Dawn Sign Press.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). Stress, appraisal, and coping. Springer Publishing Company.
- Leigh, I. W., & Stinson, M. S. (1991). Social environments, self-perceptions, and identity of hearing-impaired adolescents. The Volta Review.
- Lucas, C., & Valli, C. (1990). ASL, English, and contact signing. Sign language research. *Theoretical Issues*, 288–307.
- Luterman, D. (1979). Counselling parents of hearing-impaired children. Boston: Little, Brown & Company.
- Mallory, B. L., Schein, J. D., & Zingle, H. W. (2019). Parenting resources for deaf parents with hearing children. Parenting.
- Mertens, D. M. (1989). Social experiences of hearing-impaired high school youth. *American Annals of the Deaf*, 134(1), 15–19.
- Moroe, Nomfundo F., & de Andrade, V. (2018). Hearing children of Deaf parents: Gender and birth order in the delegation of the interpreter role in culturally Deaf families. *African Journal of Disability* (Online), 7, 1–10.
<https://dx.doi.org/10.4102/ajod.v7i0.365>
- Murray, J. B., Klinger, L., & McKinnon, C. C. (2007). The deaf: An exploration of their participation in community life. *OTJR: Occupation, Participation and Health*, 27(3), 113–120.
- Pendaftaran Orang Kurang Upaya. (2020). Jabatan Kebajikan Masyarakat.
<http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHNPbUIPayt2QT09>
- Quigley, S. P., & Paul, P. V. (1984). ASL and ESL? *Topics in Early Childhood Special Education*, 3(4), 17–26.
- Rittenhouse, R. K., Johnson, C., Overton, B., Freeman, S., & Jaussi, K. (1991). The black and deaf movements in America since 1960: Parallelism and an agenda for the future. *American Annals of the Deaf*, 136(5), 392–400.
- Rosen, T. J., Terry, N. S., & Leventhal, H. (1982). The role of esteem and coping in response to a threat communication. *Journal of Research in Personality*, 16(1), 90–107.
- Selye, H. (1976). Stress in Health and Disease. Stoneham, MA: Butterworth.
- Thumann-Prezioso, C. (2005). Deaf parents' perspectives on deaf education. *Sign Language Studies*, 5(4), 415–440.
- Statistik Jabatan Kebajikan Malaysia. (2014).
- Wach, T. (2016). Pedagogiczna racjonalizacja transgeneracyjnych kodów socjokulturowych w rodzinach zagrożonych demoralizacją [Pedagogical rationalisation of transgenerational sociocultural codes in families at risk of demoralisation]. In: E. Domagała-Zysk, A. Borowicz & R. Kołodziejczyk (eds.), Język i wychowanie. Księga Jubileuszowa z okazji 45-lecia pracy naukowej Profesor Kazimiera Krakowiak [Language and education. Commemorative publication on the occasion of the 45th anniversary of the scientific work Professor Kazimiera Krakowiak] (pp. 639–652). Lublin: Wydawnictwo KUL.
- Wang, B., Stanton, B., Li, X., Cottrell, L., Deveaux, L., & Kaljee, L. (2013). The influence of parental monitoring and parent-adolescent communication on Bahamian adolescent risk involvement: A three-year longitudinal examination. *Social Science & Medicine*, 97, 161–169.
- Welsh, W. A. (1960). The economic impact of deafness. Statistics, 1970, 1980-1990.
- World report on disability. (2011). In The Lancet.
[https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(11\)60844-1](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(11)60844-1)
- Xin Lee, J. (2017). Parenting stress among Malaysian parents of children with Autism Spectrum Disorder (ASD). *Medicine & Health*, 12(1), 42–55.
<https://doi.org/10.17576/mh.2017.1201.06>
- Zaborniak-Sobczak, M. (2020). Deaf Parents' Communication with Their Hearing Children (Everyday Problems). *Konteksty Pedagogiczne*, 1(14), 103.